



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH  
AGAMA RAKYAT DI SELATAN THAILAND**

**HASNNAH NATAENING**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2004**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

17 April 2004

HASNNAH NATAENING

2002-00319



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



iii tbupsi

## DEDIKASI

Untuk ibu yang amat kucintai  
Kau mengorbankan segala-galanya  
Untuk merialisasikan  
Harapan dan cita-citaku  
Doa restumu sentiasa mengiringiku

Buat bapaku...  
Kau tidak sempat menyaksikan  
Kejayaanku di alam ini

Tapi kutahu bapa...  
Semangatmu membendungiku  
Kegigihanmu membekalkiku  
Kasih sayangmu menyelamatiku  
Doa restumu sentiasa mengiringiku  
Setiap langkahku maju,  
Setiap ketikaku tersungkur,  
Pada malam pekat tanpa cahaya



05-4506832



Walaupun wajahmu ... Perpustakaan Tuanku Bainun  
Tidak pernahku menatapinya Abdul Jalil Shah  
Tetap kukenang selama-lamanya  
Hanya sekalung Doa dan Fatihah kuhadiahkan.



PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptupsi



## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad (SAW). Saya bersyukur kehadrat Allah kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyempurnakan projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang bahasa Melayu.

Usaha saya secara individu tidak membawa hasil seperti yang terdapat di dalam projek ini. Justeru itu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Sulaiman Masri kerana segala tunjuk ajar dan bimbingan terhadap saya dalam proses penulisan projek ini dihasilkan.

Saya juga merakamkan rasa terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang pembelajaran saya di sini, terutamanya Dr. Alias Mohd. Yatim yang banyak memberi tunjuk ajar serta menyemak dan bantuan buku untuk menyiapkan projek ini.

Penghargaan ini saya tujuarkan kepada Aminul-Am Hj.Husin Hj.Abdul Rahman dan Mudir Maahad Muhammad Hj.Hasan Al-Idrisi serta keluarga yang memberikan saya cuti untuk belajar dan sokongan sehingga saya dapat menjalankan tugas tanpa sebarang gangguan dan tidak lupa juga penghargaan ini kepada kalangan rakan saya di Maahad yang membantu saya baik secara langsung maupun secara tidak langsung.



Seterusnya ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya sama ada secara langsung atau tidak bagi membolehkan projek ini dilaksanakan.

Akhir sekali sekalung penghargaan saya tujuarkan kepada keluarga saya, abang dan kakak yang sentiasa memahami saya terutama kepada anak saudara saya, iaitu Dr.Ahmad Omar serta isterinya Maryam yang memberi dorongan dan sokongan serta bantuan di sepanjang pembelajaran saya dengan ucapan jazakumullahu khairan kathira.





## ABSTRAK

Kajian ini, berkenaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu memfokuskan aspek penguasaan dan penggunaan bahasa ke arah kecekapan berkomunikasi. Pelajar digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti komunitif yang dirancang. Dengan itu, tujuan pembelajaran berpusatkan pelajar. Interaksi dua hala berpaksikan konteks dan situasi sebenar diwujudkan bertujuan membolehkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan. Dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar diajar tentang struktur tatabahasa supaya mereka dapat membina ayat yang betul, tepat dan gramatis. Latihan berbentuk aktiviti penyelesaian masalah berdasarkan tugasam amat ditekankan. Kajian ini bertujuan menjelaskan dan menghuraikan penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Menengah Agama Rakyat (swasta) di Selatan Thailand. Kajian menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, pemerhatian dan temu bual dengan guru dan pelajar secara tidak formal. Sampel kajian ini seramai 102 orang yang terdiri daripada pelajar perempuan darjah 5,6 dan 7. Hasil kajian yang dijalankan melalui pemerhatian dan temu bual mendapati bahawa pelajar lemah dalam pencapaian empat kemahiran pembelajaran dan tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana beberapa faktor sepertikekangan masa, penguasaan guru terhadap aspek kebahasaan, dan sikap pelajar terhadap penggunaan bahasa Melayu. Untuk mengatasi masalah tersebut disarankan menggunakan kaedah pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya guru bahasa Melayu, pentadbir sekolah, pusat perkembangan kurikulum, ibu bapa dan pelajar sendiri supaya dapat mewujudkan suasana persekitaran yang boleh merangsang minat pelajar untuk belajar bahasa Melayu. Justeru itu, bahasa Melayu di sekolah agama rakyat diharapkan dapat dipertingkatkan di samping memartabatkan bahasa Melayu di Selatan Thailand dengan jayanya.





## ABSTRACT

This research deals with the communicative approach in the teaching and language of Malay language which focused on the acquisition and usage of the language for efficient communication. Student are encourage to actively involved in communicative activities as planned where the learning the learning process is centred. Two-way interactions are based on real context and situation that exist to ensure students communicate efficiently. In teaching and learning process students are taught on grammar structure so that they can construct a correct, precise and grammatical word. Exercises on problem solving activities method based on assignment is very important. The purpose of this research is to explain the use of the communicative approach in learning and teaching of Malay language at Sekolah Menengah Agama Rakyat (private) in South Thailand. This research used library research method, observation and interview with students and teachers in informal way. 102 girl-students are taken as samples for this research who are learning in standards five, six and seven. The research found that most of the students are poor in all the skills. They could not even interact in fluent Malay language due to lack of time, lack of teachers who have better knowledge in Malay language aspects and also students attitude in using the Malay language. Communicative approach method is suggested in teaching language to solve this problem. It is hoped that this research will help people who are involved directly and indirectly in this the Malay language teachers, language teachers, school administrators, curriculum development associations, parents students to create an environment which can motivate student interest to study the Malay language. Though this effort, the Malay language in South Thailand, especially at the Sekolah Agama Rakyat can be improved accordingly and to put prestige on the Malay language itself.





## KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii



1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Tujuan Kajian	8
1.4	Kepentingan Kajian	9
1.5	Batasan Kajian	10
1.6	Kaedah Kajian	10
1.7	Pengertian Konsep	11
1.7.1	Pendekatan	11
1.7.2	Komunikatif	12
1.7.3	Pengajaran	13
1.7.4	Pembelajaran	14





1.7.5	Bahasa Melayu	16
1.7.6	Sekolah Agama Rakyat	17
1.7.7	Selatan Thailand	18
1.8	Sejarah Penubuhan Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand	18
1.9	Kesimpulan	21

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Tujuan Pendekatan Komunikatif	25
2.3	Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif	27
2.4	Prinsip Pendekatan Komunikatif	31
2.4.1	Murid Mengetahui Tujuan Aktiviti yang Dilakukan	31
2.4.2	Pengajaran Bahasa Dibuat dalam Konteks Wacana	31
2.4.3	Pengajaran Bahasa Mengikut Proses Komunikatif yang Sebenar	31
2.4.3.1	Jurang Maklumat	32
2.4.3.2	Pilihan	32
2.4.3.3	Maklum Balas	32
2.4.4	Aktiviti Komunikatif Perlu Dipelbagaikan	32
2.4.5	Bukan Semua Kesilapan Bahasa Dianggap Kesalahan	33
2.5	Aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran Komunikatif	34
2.6	Peranan Pelajar	36





2.7	Peranan Guru	38
2.8	Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Selatan Thailand	39
2.8.1	Peruntukan Masa Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu	41
2.8.2	Faktor yang Menyebabkan Pelajar tidak Dapat Menguasai Bahasa Melayu dengan Baik	44
2.8.3	Kemahiran dan Sikap Guru	46
2.8.4	Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu	48
2.8.5	Dasar Kerajaan	49
2.8.6	Pengujian dan Penilaian	50
2.9	Kajian di Thailand	51
2.10	Kajian di Luar Negara	54
2.11	Kesimpulan	57



### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	59
3.2	Kajian Perpustakaan	59
3.3	Kajian Pemerhatian	60
3.4	Kajian Temu Bual	60
3.5	Prosedur	61
3.6	Kesimpulan	62



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	63
4.2 Dapatan Kajian	63
4.2.1 Peruntukan Masa /Waktu bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu	
4.2.2 Punca Pelajar tidak Dapat Menguasai Bahasa Melayu dengan Baik	64
4.2.3 Kekurangan Tenaga Guru yang Berkualiti	65
4.2.4 Tidak Mempunyai Bahan Rujukan Guru yang Mencukupi	66
4.2.5 Penguasaan Guru Terhadap Aspek Kebahasaan	66
4.2.6 Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu Kesimpulan	67
4.3 Kesimpulan	68

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	70
5.2 Kesimpulan	70
5.3 Cadangan	73
5.3.1 Kementerian Pendidikan	74
5.3.2 Pusat Perkembangan Kurikulum	75
5.3.3 Pentadbir Sekolah	75
5.3.4 Guru Bahasa Melayu	76
5.3.5 Ibu Bapa dan Masyarakat	78





<b>5.3.6 Pelajar</b>	<b>78</b>
<b>5.4 Cadangan Kajian Lanjut</b>	<b>79</b>
<b>5.5 Penutup</b>	<b>80</b>
 <b>RUJUKAN</b>	 <b>81</b>
 <b>LAMPIRAN</b>	
<b>Lampiran I</b>	<b>86</b>
<b>Lampiran II</b>	<b>87</b>
<b>Lampiran III</b>	<b>88</b>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
**xii**

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif	27
2.2 Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif Rechard dan Rogers	30



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii

## SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

1.1 Unsur-Unsur Komunikasi	6
2.2 Contoh: Kecekapan Berkomunikasi	33



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Selatan Thailand merupakan wilayah Sempadan Selatan yang meliputi wilayah Pattani, Yala, Setul, Narathiwat dan sebahagian daripada wilayah Songkhla (Senggora). Tumpuan khusus diberikan terhadap wilayah ini kerana majoriti penduduknya beragama Islam, menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (bahasa ibunda), di samping mengamalkan adat dan kebudayaan Melayu walaupun bahasa kebangsaan bahasa Thai. Dalam setiap wilayah terdapat banyak sekolah agama swasta sebagai tempat perkembangan ilmu pengetahuan atau sebagai tempat proses pengajaran dan pembelajaran, dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa komunikasi masyarakat Selatan Thailand walaupun pengajaran dalam semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Arab.





Dalam konteks politik, kestabilan dan keamanan negara, masyarakat Melayu dilihat sebagai golongan terpenting yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan Thai. Ini dapat dilihat pada sikap kerajaan Thai pada setiap zaman, dahulu dan sekarang yang merancang dan melaksanakan dasar pendidikan dan polisi tertentu terhadap masyarakat Melayu yang majoritinya berada di Selatan Thailand. Masyarakat Melayu dilihat sebagai penduduk negara yang mempunyai kedudukan dan latar belakang sejarah, bangsa, agama dan budaya tersendiri, berbeza daripada penduduk lain dalam negara (Ahmad Omar Chapakia, 2003:1).

Menurut Ilyas Mahyudin (1995:604), sekolah swasta agama Islam merupakan lambang pendidikan yang menyelenggarakan pendidikan agama dan pendidikan umum. Ada pula yang menyelenggarakan pendidikan agama sahaja. Lembaga ini ada yang menggunakan sukanan pelajaran Kerajaan dan ada juga menggunakan sukanan pelajaran sendiri. Bahasa pengantar untuk pendidikan agama pada umumnya Bahasa Melayu daerah (dialek Pattani), sedangkan bagi pendidikan umum menggunakan bahasa Thai (bahasa nasional). Dalam sukanan pelajaran agama yang ditetapkan kerajaan terdapat pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran asas bagi Tingkatan Dasar dan mata pelajaran selektif bagi Tingkatan Menengah. Sedangkan bagi Tingkatan Atas tidak diajar bahasa Melayu.

Dasar sukanan pelajaran Menengah Agama 2540 (1997), mengkehendaki pengajaran dan pembelajaran memenuhi kehendak Muslim tempatan supaya menjadi Muslim yang berkualiti, warganegara yang baik dan juga menjadi insan yang berguna kepada dunia amnya. Sukanan pelajaran bermatlamat menjadikan insan yang beriman dan patuh kepada hukum agama di samping menggunakan kepelbagaiannya ilmu





pengetahuan dan sentiasa peka dengan teknologi yang terkini. Masyarakat juga diajar bersifat jujur, adil dan berdisiplin, memupuk perpaduan dan berkorban untuk negara. Di samping itu mereka juga dikehendaki rajin berusaha, bertanggungjawab serta berkasih sayang sesama insan, berfikiran kreatif dalam membina diri. Masyarakat pula mampu menyelesaikan masalah serta mengangkat taraf mereka terus maju ke hadapan.

Pendidikan merupakan bidang yang dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada guru perlu dipertingkatkan dan dikemaskini dalam usaha untuk menguasai semua aspek kebahasaan, baik daripada segi sistem ejaan, perkamusian, peristilahan, tatabahasa, mahupun intonasi dan sebutan. Guru perlu menggunakan bahasa Melayu yang baik dan berkualiti, serta sesuai dengan laras pelbagai disiplin ilmu, gaya bahasa dan peristilahannya. Guru merupakan model kepada pelajar. Amalan guru yang menggunakan bahasa Melayu yang betul, sempurna dan berkualiti menjadi ikutan para pelajar. Justeru itu, menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada pihak atasan atau pentadbir, guru dan pelajar supaya sama-sama mengambil langkah menggunakan bahasa Melayu yang baik, betul dan berkualiti.

Kepesatan perkembangan bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran membawa wawasan penting ke arah meningkatkan mutu sistem pendidikan bahasa Melayu. Ini dilaksanakan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, bahasa ilmu, pengetahuan dan bahasa untuk berkomunikasi.





Komunikatif dalam pengajaran bahasa menekankan penggunaan bahasa dalam konteks bagi merujuk kecekapan atau kefasihan berbahasa. Kefasihan berbahasa dicapai melalui kebolehan menerapkan kecekapan tatabahasa, wacana dan sosiolinguistik dalam komunikasi sebenar, iaitu perlakuan (performance) bahasa.

Penekanan interaksi bercorak dua hala menjadi paksi utama membolehkan pelajar berkomunikasi dengan berkesan. Antara bentuk interaksi yang dicadangkan seperti interaksi secara pasangan, berkumpulan, berpasangan dengan bantuan guru, wakil daripada kumpulan berbincang dengan kumpulan yang lain dan interaksi dengan lebih daripada pelajar (Som Hj. Nor, 1988:5). Juriah Long & Zainal Abidin Ahmad (1985:39), pula menjelaskan masalah komunikasi antara pelajar Melayu dan bukan Melayu mempunyai perbezaan yang ketara. Oleh itu, terbukti bahawa komunikasi di dalam bilik darjah merupakan satu proses yang rencam, memerlukan setiap individu berkenaan bukan sahaja perlu menguasai kebolehan untuk memilih struktur ayat yang sesuai tetapi juga memilih konteks sosial bersesuaian dengan situasi yang di hadapi.

Koh Boh Boon dan Ishak Harun (1983), mengatakan pengajaran itu sebagai satu proses:

*“ Proses pengajaran bukanlah satu pengaliran pengetahuan dari satu arah iaitu guru kepada murid. Ia melibatkan interaksi antara guru dan murid dalam mana bahan dan cara pengajaran digunakan untuk mencapai objektif yang telah ditentukan”.*

(Kob Boh Boon dan Ishak Harun,1983:13)






Peranan guru amat penting dalam memainkan peranan memproses pengajaran dan pembelajaran pelajar sama ada di dalam atau di luar darjah. Masalah kelemahan guru dalam pengajaran bahasa boleh menjelaskan kejayaan pelajar untuk mencapai kecekapan berkomunikasi dan melahirkan kemahiran berbahasa dalam pelbagai situasi. Hal ini lebih menguatkan lagi aspirasi penulis untuk mencadangkan kaedah pengajaran bahasa Melayu iaitu “ Pendekatan komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.” Pendekatan komunikatif mengemukakan strategi pengajaran bahasa berasaskan fungsi komunikasi. Pendekatan pengajaran berpusatkan bentuk komunikasi atau komunikasi yang diperlukan oleh pelajar dalam konteks pembelajaran di dalam bilik darjah atau dalam kehidupan sebenar.

Dalam kehidupan bermasyarakat tidak dapat tidak mesti melibatkan komunikasi. Komunikasi melibatkan perlakuan yang berbentuk isyarat, pertuturan, penulisan dan penyelidikan. Menurut Sulaiman dan Razali Ayob (2002:2), komunikasi merupakan proses yang bermula apabila satu mesej (maklumat) daripada pengirim (penutur, penulis dan sebagainya) dipindahkan menerusi alat atau saluran khas kepada penerima (pembaca, pendengar dan sebagainya) yang kemudiannya memberi maklum balas (mengekod dan mentafsir) terhadap mesej tersebut, kemudian mengambilkan isyarat dalam bentuk sama ada mesej tersebut sudah atau belum diterima. Mereka menegaskan lagi walau bagaimanapun, semua takrifan iaitu pengirim, penerima, media atau alat, mesej, maklum balas/kesan ditentukan oleh hingar/kawalan. Hubungan kesemua unsur sama ada wujud atau tidak diperlihatkan pada rajah berikut:





**Rajah 1.1**  
**Unsur-Unsur Komunikasi**  
(Sulaiman Masri dan Razali Ayob, 2002)

Seterusnya, diperkatakan pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, pengertian konsep, sejarah penubuhan sekolah agama rakyat di Selatan Thailand dan kesimpulan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi masyarakat Melayu di Selatan Thailand yang hampir pupus, lebih-lebih lagi setelah bahasa itu mula diabaikan oleh penutur bahasanya sendiri. Apatah lagi bahasa itu jika tidak dipergunakan atau dipertuturkan oleh generasi berikutnya sebagai bahasa



perhubungan dan pergaulan dalam kalangan mereka. Justeru itu, ia pasti hilang dan terkubur ditelan zaman. Ahmad Omar Chapakia (2002:6), menegaskan bahawa:

*“ Sebagai reaksi terhadap politik siamisasi dan dasar meminggirkan bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Thai, masyarakat Melayu di Selatan Thai khususnya pada tiga wilayah (Pattani, Yala dan Narathiwat) berjuang dan bergerak aktif dalam perjuangan surviva bahasa Melayu. Perjuangan ini dapat dilihat pada peranan Ulama Pattani, peranan institusi pendidikan yang terdiri daripada pondok, madrasah, tadika dan juga institusi Pengajian Tinggi sama ada kerajaan atau swasta”.*

Keadaan dan kewibawaan bahasa Melayu sering tergugat, tidak menjaminkan malah terpaksa mengalami zaman gerhana yang agak penting. Namun bahasa Melayu di sana dapat dipertahankan dan dikekalkan kedudukan dan kewibawaannya sebagai bahasa perantaraan dalam kalangan orang Melayu yang majoriti 80% menghuni di wilayah sempadan Selatan Thai (Abdulroya Panaemalae, 1995:60)



Kini yang termasuk dalam kategori sekolah Agama Islam di Pattani meningkat ke tahap menengah atas lebih daripada 300 buah, sedang bergelut dengan pelbagai masalah, seperti kurangnya tenaga pengajar bahasa Melayu, terbatasnya buku agama dalam bahasa Melayu, dan terakhir berkangannya minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu itu sendiri (Ahmad Darma, 2002:343).

Hal ini demikian, merupakan bebanan guru untuk memantapkan pengajaran bahasa Melayu dalam usaha merangsang dan memotivasi pelajar supaya meminati bahasa ibundanya. Namun, begitu banyak faktor yang dihadapi oleh guru. Faktor





utamanya berpunca daripada guru yang tidak tahu tentang kaedah pengajaran bahasa yang sewajarnya, kerana tidak mendapat pendedahan dan latihan yang khusus.

Di samping itu, guru tidak mempunyai tanggapan yang jelas tentang pengajaran bahasa pertama dan kedua. Kekurangan ilmu tentang pedagogi bahasalah merupakan penyebab utama mengapa masyarakat Melayu di Selatan Thailand mula meminggir atau melupakan bahasa Melayu dalam pertuturan sehari-hari mereka. Tambahan pula kedudukan sukanan pelajaran pada peringkat menengah bagi mata pelajaran bahasa Melayu hanya menjadi mata pelajaran elektif.

Sehubungan itu, perlu diwujudkan perkaedahan pengajaran bahasa secara pendekatan komunikatif sebagai panduan bagi guru untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam berkomunikasi dan melahirkan kemahiran berbahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dengan berkesan.



### 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini pada amnya, bertujuan menjelaskan dan menghuraikan penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu bagi pelajar di Peringkat Menengah Rendah (Mutawassitah) Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand.

Secara khusus tujuan utama kajian ini ialah untuk:

1. Menghuraikan prinsip pendekatan komunikatif.
2. Menerangkan aktiviti pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu.





3. Menerangkan peranan guru dan pelajar bahasa Melayu dalam pengajaran komunikatif.
4. Mencadangkan model pengajaran kemahiran bahasa Melayu mengikut pendekatan komunikatif, merangkumi aspek lisan, bacaan, kefahaman, penulisan dan tatabahasa.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Selatan Thailand merupakan wilayah bersempadan dengan Malaysia, majoriti penduduknya berbahasa Melayu beragama Islam yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam perhubungan dan pergaulan.

Setelah kerajaan Thai mengambil alih pemerintahan pada tahun 1786,

pertuturan bahasa Melayu diabaikan dan semakin hari semakin pupus. Namun, terdapat beberapa sekolah agama sebagai benteng utama yang menjadi tumpuan bagi organisasi merupakan tempat belajar yang memainkan peranan penting dalam penyebaran bahasa Melayu. Maka, diharapkan dengan kewujudan kaedah pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ini dapat :

1. Memberi maklumat dan panduan yang terperinci kepada semua guru bahasa Melayu menggunakan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah agama rakyat di Selatan Thailand.
2. Membantu Kementerian Pendidikan khususnya pusat perkembangan kurikulum, perancang dan penyusun buku panduan pengajaran pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu





3. Sebagai sumber rujukan dan maklumat kepada pengkaji baharu untuk membuat kajian selanjutnya dan menganalisis pencapaian pelajar menggunakan perkaedahan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

### 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada pengajaran bahasa Melayu khususnya bagi pelajar di Peringkat Menengah Rendah (Mutawassitah) iaitu, darjah 5, 6 dan 7 sekolah agama di Selatan Thailand, menggunakan pendekatan komunikatif. Kajian yang dijalankan untuk membincangkan aspek penting pendekatan komunikatif dan aspek kemahiran berbahasa, iaitu lisan, bacaan, kefahaman dan penulisan dalam pengajaran bahasa Melayu.



### 1.6 Kaedah Kajian

Penulis menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, pemerhatian dan temu bual untuk menyiapkan kajian ini. Semua fakta, ulasan maklumat dan pendapat yang dimuatkan dalam kajian ini diambil daripada sumber bacaan seperti buku, majalah, jurnal, kertas kerja, disertasi dan tesis yang berkaitan dengan tajuk ini. Tidak ada kajian praktikal yang dibuat kerana pemaparan yang diperjelaskan hanyalah meliputi bentuk pendekatan yang dicadangkan untuk pengajaran bahasa, iaitu pendekatan komunikatif. Buku pegangan dalam kajian ini merujuk kepada buku utama iaitu buku *Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif*, terjemahan Juriah Long, dan kedua, buku *Pedagogi Bahasa dan Perkaedahan*, dan buku *Perkaedahan Mengajar Bahasa*, dikarang oleh Kamarudin Hj. Husin dan buku *Teks Bahasa Melayu Tingkatan V*.





## 1.7 Pengertian Konsep

Kajian ini menggunakan beberapa istilah dan konsep yang terdiri daripada beberapa perkataan dan frasa tertentu yang merujuk penggunaan dalam kajian.

### 1.7.1 Pendekatan

Menurut Abdullah Hassan (1997:412), pendekatan merupakan satu kumpulan prinsip atau andaian yang berkaitan dengan bahasa. Pendekatan itu harus mencerminkan satu pandangan mengenai tentang apa yang sebenarnya bahasa itu, cara bahasa itu difahami serta perkara tentang bahasa itu. Arbak Othman (1985:6), memberi maksud pendekatan merupakan cara yang agak bebas mengajarkan bahasa. Dalam pendekatan lain, pendekatan membawa maksud cara pengajaran itu didekati menurut pandangan atau disiplin ilmu pengetahuan tentang selok belok bahasa.



Kamarudin Hj.Husin (1986:88), berkata pendekatan dalam pengajaran bahasa merupakan kumpulan andaian yang saling berkaitan dengan hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa. Setiap pendekatan itu harus mencerminkan pandangan tentang hakikat bahasa iaitu apakah sebenarnya bahasa itu, bagaimana ia dikuasai dan diperolehi, bagaimana pula ia dilahirkan dan difahami serta di manakah ia disimpan. Ee Ah Meng (1993:245), menyatakan dalam konteks bilik darjah, pendekatan merujuk cara untuk mencapai objektif jangka panjang dalam mata pelajaran. Oleh itu, pendekatan biasanya merujuk beberapa teori yang berkaitan dengan sifat semula jadi pelajar dan cara mencapai pembelajaran maksimum. Kemudian, ia menjadi pegangan dalam pengajaran.





Abd.Aziz Abd.Talib (2000:28), mengatakan bahawa “pendekatan” membawa maksud yang paling global dan paling abstrak. Ini demikian kerana pendekatan bermakna satu pandangan, pendirian atau falsafah, bagi melihat, memahami dan mendekati sesuatu perkara. Dalam bidang pedagogi bahasa gagasan “pendekatan” bercorak abstrak kerana falsafah yang berkaitan dengan pelbagai itu bersifat teori. Pendekatan dalam pengajaran bahasa, memerlukan kaedah tertentu. Kekuatan pendekatan itu hanya boleh dilihat dan dinilai selepas ia dilaksanakan secara empikal, iaitu dalam pengajaran bahasa di dalam bilik darjah. Pada amnya setiap pendekatan bercorak teori, iaitu andaian, tanggapan, falsafah tentang tugas pengajaran bahasa. Namun begitu, pendekatan itu dianggap baik apabila terbukti keberkesanannya dalam pengajaran bahasa.

Kesimpulannya, pendekatan merupakan kumpulan andaian yang saling



berkaitan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa.

### 1.7.2 Komunikatif

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002:698), komunikatif bermaksud sedia atau dapat berhubungan (mengadakan komunikasi), dapat atau mudah menyampaikan sesuatu maksud (maklumat dsb)

Mendasari hakikat ini, komunikatif merupakan proses pemindahan makna iaitu, idea, pengetahuan, maklumat dan persefahaman daripada sumber atau menyampai kepada penerima melalui saluran tertentu atau media dengan harapan untuk mewujudkan persamaan atau perkongsian.



Kesimpulannya, pendekatan komunikatif menganggap bahasa bukan dalam bentuk struktur (tatabahasa dan pembendaharaan kata) semata-mata, tetapi juga dalam bentuk fungsi komunikatif yang dimainkan oleh bahasa tersebut. Dalam perkataan lain, ia bukan sahaja melihat pada bentuk bahasa tetapi melihat apakah yang disampaikan oleh individu dalam bentuk bahasa apabila mereka berkomunikasi dengan individu yang lain.

### 1.7.3 Pengajaran

Terdapat beberapa tafsiran tentang maksud pengajaran. Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002:18), pengajaran bermaksud perihal mengajar segala sesuatu yang dikaitkan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan). Pada dasarnya, pengajaran ialah “suatu organisasi aktiviti yang dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada pelajarnya dalam satu suasana yang dipanggil bilik darjah” (Arbak Othman, 1985:1).

Koh Boh Boon (1985:910), memberi maksud pengajaran merupakan satu proses kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai unsur termasuk kualiti pengajar, kecerdasan, bakat dan minat pelajar serta pengaruh motivasi, persekitaran sekolah, rumah dan dorongan ibu bapa terhadap pelajar itu. Pengajaran juga merupakan bentuk komunikasi. Komunikasi pula bertujuan memberitahu, mempengaruhi dan menghibur. Pada pendapat umum, tujuan utama guru memberitahu atau lebih tepat lagi menyampaikan satu himpunan maklumat atau fakta kepada murid (Khairiah Ahmad, 1980:1). Atan Long (1979:140), pula mengatakan pengajaran merupakan proses memberikan bimbingan kepada pelajar mereka dalam proses pembelajaran.



Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, diharapkan berlaku perubahan perlakuan dalam kalangan murid. Dalam bidang bahasa, perubahan perlakuan itu dimaksudkan penguasaan kemahiran dan penceriaan ilmu pengetahuan sebagai hasil dari proses pengajaran pengetahuan tadi boleh dimanifestasikan oleh sesuatu bentuk perlakuan (*behavior*) oleh murid (Raminah Hj. Sabran, 1985:1).

Secara kesimpulannya dapatlah dijelaskan bahawa pengajaran merupakan aktiviti yang disusun dan dirancang oleh guru untuk memberi kefahaman kepada murid dengan perantaraan kaedah tertentu yang baik dan sesuai di dalam bilik darjah. Pengajaran dilakukan di peringkat menggubal sukatan pelajaran hingga proses pengajaran dilakukan. Justeru itu, pengajaran dilakukan oleh guru, maka segala aktiviti pengajaran seharusnya bertujuan mengamalkan pembelajaran dalam kalangan pelajar.



#### 1.7.4 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses yang cergas, yang perlu dirancang dan dibincang ke arah matlamat yang diingini. Ia merupakan proses tabiat, pengetahuan dan sikap yang melibatkan cara membuat kerja dan ia bertugas dalam percubaan individu untuk mengatasi rintangan atau untuk mengatasi diri kepada situasi baru.

*Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002:18), mendefinisikan pembelajaran sebagai “proses (kegiatan) belajar”. Atan Long (1979:184), memberikan definisinya yang cukup jelas mengenai pembelajaran, iaitu proses kognitif atau mental yang mengubah tingkah laku seseorang itu daripada keadaan sebelum mempelajari sesuatu kepada sesuatu keadaan tingkah laku yang lain setelah mempelajari sesuatu.





Menurut Ee Ah Meng (1993:21), pembelajaran boleh ditafsirkan sebagai perubahan tingkah laku yang agak tetap dan ia berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Pembelajaran bermula apabila rangsangan diproses oleh otak seseorang individu untuk pengalaman. Pengalaman ini pula diubahkan untuk menjadi tingkah laku atau tindakan.

Kamarudin Hj.Husin (1998:240), pula menjelaskan dalam situasi kelas, pembelajaran dikatakan berlaku apabila guru berjaya dalam komunikasi. Pembelajaran dapat dicapai dan dipertingkatkan melalui perkara berikut:

- a) Penerangan guru
- b) Pengalaman murid yang bererti
- c) Kegiatan yang menyeronokkan murid dan guru.



Alat mengajar yang dibina dengan teliti dapat memenuhi tiga syarat ini. Sebagai kesimpulannya dapatlah dijelaskan bahawa pembelajaran merupakan proses kognitif bagi pelajar memperolehi pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap. Perubahan yang berlaku ini disebabkan kejayaan guru berkomunikasi dengan pelajarnya. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku yang progresif sambil individu bertindak balas kepada situasi atau pelbagai situasi dalam usaha menyampaikan tingkah lakunya dengan berkesan kepada permintaan yang dibuat terhadapnya.





### 1.7.5 Bahasa Melayu

Dari segi sejarah bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa dari rumpun Austronesia khususnya cabang bahasa keluarga Austronesia di kepulauan Melayu (Asmah Hj.Omar, 1988:35-38). Penutur bahasa kelompok ini meliputi kawasan yang luas iaitu dari Madagascar di barat, Formosa (Taiwan) di timur dan dari Kampuchea di utara hingga ke New Zealand di selatan. Dalam kelompok Austronesia ini termasuklah juga beberapa bahasa bumiputera di Asia Tenggara seperti Aceh, Batak, Jawa, Madura, Minangkabau, Sunda dan Tagalog (Abdullah Hassan,1986:2). Alias Mohammad Yatim (1998:1), menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda kepada orang keturunan Melayu atau bangsa Melayu. Bangsa Melayu pula merujuk bangsa Austronesia yang terdapat di Tanah Melayu dan kepulauan Melayu.

Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1986:26), berkata bahasa Melayu mempunyai gambaran tentang kesatuan bahasa yang walaupun mempunyai berbagai bagai kelainan tetapi masih sebagai satu secara keseluruhan. Bahasa Melayu standard merupakan variasi yang digunakan apabila orang daripada pelbagai dialek di negara ini berkumpul dan berbincang masing-masing menggunakan ciri-ciri kesedaran mereka dan lahir bahasa Melayu umum yang mempunyai sifat tersendiri. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia (Asmah Hj. Omar, 1978:1). Menurut Abdullah Hassan (1997), pula bahasa kebangsaan merupakan bahasa rasmi yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan dan mentadbirkan negara. Oleh sebab bahasa kebangsaan Malaysia bahasa Melayu, maka pada bahasa Melayu itulah terletaknya teras maruah bangsa Malaysia.





### 1.7.6 Sekolah Agama Rakyat

Sistem pendidikan sekolah agama, proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai tiga peringkat iaitu, Peringkat Ibtida’iah (darjah 1-4), Peringkat Mutawassitah (darjah 5-7), Peringkat Sanawaiah (darjah 8-10). Menengah Rendah atau Peringkat Mutawassitah dimaksudkan darjah lima, darjah enam dan darjah tujuh, iaitu setelah belajar empat tahun pada Peringkat Ibtida’iah yakni darjah satu, darjah dua, darjah tiga dan darjah empat. Peringkat Sanawiah pula merupakan peringkat terakhir untuk menyambung pelajaran ke tahap universiti.

Pengkaji membuat kajian terhadap beberapa definisi sekolah agama rakyat.

Antaranya Nawal Panakaseng, 2543 (2000), mendefinisikan maksud sekolah yang menjalani pengajaran dan pembelajaran agama bersama pelajaran akademik, mengikut sistem sekolah fasal 15(1) terbahagi kepada 3 bahagian: iaitu sekolah yang mendapat bantuan daripada kerajaan peratusan 100, 60 dan 40 mengikut belanjawan pelajar.

Virachat Chainoi, 2538 (1995) dan Jiravat Daengkea, 2535 (1992), mendefinisikan maksud yang sama iaitu sekolah agama swasta fasal 15(2), yang mengajar mengikut Kurikulum Kementerian Pendidikan sekolah swasta 2525, mengajar mata pelajaran agama, akademik dan vokasional.

Chidchanok Chernghau dan rakan, 2533 (1990), memberi maksud sekolah swasta di Sempadan Selatan yang mengajar akademik dan agama mengikut sukatan pelajaran Pusat Pendidikan. Khanita Nidjarankul, 2535 (1992), berkata sekolah agama rakyat merupakan sekolah agama rakyat di Sempadan Selatan.





### 1.7.7 Selatan Thailand

Selatan Thailand yang dimaksudkan dalam makalah ini ialah kawasan yang meliputi propinsi Pattani, Yala, Narathiwat, Setul dan sebahagian Songkhla. Tumpuan khusus diberikan terhadap wilayah tersebut kerana majoriti penduduknya penutur bahasa Melayu, sebagai bahasa pertama (bahasa ibunda) Ilyas Mahyudin (1995:559). Abdulroya Panaemalae (1995:59), pula memberi maksud Wilayah Sempadan Selatan Thailand pada mulanya dikenali dengan panggilan “Empat Wilayah Selatan” yang meliputi wilayah Pattani, Yala, Setul, Narathiwat dan sebahagian dari wilayah Songkhla (Senggora). Tetapi kebelakangan ini nama itu dianggap kurang sesuai dan tepat oleh pemerintah, lalu diganti dengan nama “Wilayah Sempadan Selatan Thailand”.



### 1.8 Sejarah Penubuhan Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand



Pendidikan sekolah agama rakyat asalnya telah diubahsuai daripada pendidikan ‘pondok’ mengikut polisi kerajaan yang telah ditetapkan terhadap pendidikan agama di Selatan Thai mengikut peredaran masa dan kemajuan zaman.

Pada 1957 dibentuk jawatankuasa khas mengenai pondok. Kemudian pada 1961 kerajaan mengeluarkan akta pendidikan pondok iaitu diwajibkan kepada semua pondok supaya berdaftar dengan pihak kerajaan. Tindakan demikian bertujuan mengawal strategi pengajaran dan kurikulum. Pendidikan akademik mula dimasukkan dengan diajar dalam bahasa Thai. Setelah beberapa dekad sistem pondok hidup bebas dalam masyarakat dan pentadbirannya dapat dilaksanakan dengan caranya tersendiri.





Pada 1966 dikuatkuasakan akta pendidikan baru iaitu, menukar sistem pondok kepada sistem sekolah agama terkenal dengan nama ‘Madrasah’. Setiap institusi pendidikan agama diwajibkan berdaftar dengan pihak kerajaan di bawah akta “Rongrian Rat Sorn Sasna Islam”. (sekolah swasta mengajar agama Islam). Sejak itu, kesedaran pihak kerajaan memandang betapa pentingnya peranan sekolah agama, demi meningkatkan kemajuan dalam setiap aspek pembelajaran. Dengan hal demikian kerajaan telah mengambil alih daripada tidak campur tangan kepada campur tangan dalam pentadbiran dan kurikulum sekolah agama swasta di Selatan Thai, supaya lebih tersusun dan sistematik. Namun, kerajaan mula menyalurkan bantuan kewangan yang merupakan wang ‘udnun’ (wang bantuan tahunan) yang berdasarkan kepada jumlah pelajar akademik.



Pada tahun berikutnya iaitu, pada 1970-an sekolah agama rakyat telah menjadi institusi pendidikan gabungan antara dua aliran iaitu, pengajaran agama dan akademik. Guru akademik dihantar oleh kerajaan, manakala guru agama pihak pentadbiran sekolah bertanggungjawab sepenuhnya. Majoriti guru yang mengajar agama berkelulusan dari luar negara (Timur tengah) dan tenaga pengajar bahasa Melayu berkelulusan dari Indonesia dan Malaysia tetapi bukan berkelulusan dalam bidang pengkhususan bahasa Melayu. Amat sukar untuk mendapat guru tempatan yang benar berkemahiran bahasa Melayu bagi sekolah agama di Selatan Thai. Oleh itu guru tersebut terpaksa menerima tugas mengajar bahasa Melayu yang dibebankan, walaupun tidak dengan rela hati.

Pada 1980-an sekolah agama mempengaruhi dan menjadi tumpuan bagi masyarakat Selatan Thai, malahan menjadi tumpuan dan minat masyarakat seluruh





Thailand terutama masyarakat Islam dari ibu kota dan utara Thailand. Ekoran daripada itu, sekolah agama terkenal dan diberi kepercayaan oleh masyarakat dan menjadi persaingan antara sekolah agama untuk menarik pelajar yang lebih banyak. Sehingga sesetengah Sekolah Menengah Kerajaan berkurangan pelajar kerana masyarakat tertumpu kepada sekolah agama. Justeru itu, jumlah pelajar sekolah agama semakin meningkat, begitu juga jumlah sekolah bertambah banyak. Kenyataan ini, dapat dilihat pada empat wilayah khususnya pada 1981 terdapat sebanyak 349 buah sekolah swasta (sekolah agama rakyat) yang berdaftar. Tetapi yang betul-betul menjalankan pengajaran hanya 199 buah sekolah daripada jumlah yang sebanyak 199 buah ini, hanya 77 buah sekolah yang menjalankan satu aliran (agama sahaja), manakala yang lain sebanyak 122 sekolah yang mempunyai dua aliran iaitu, agama dan akademik (Ahmad Omar Chapakia, 2002:39-41).



Pada 1999 sekali lagi perubahan undang kerajaan terhadap sekolah agama rakyat iaitu, sekolah agama di bawah akta 15(1), kerajaan menarik balik guru yang berkhidmat dengan kerajaan (guru akademik) di sekolah agama, dengan tidak mempedulikan rayuan daripada wakil persatuan sekolah agama. Mereka membuat secara berterusan rayuan kepada pihak kerajaan supaya guru tersebut dapat membantu sekolah agama. Permohonan mereka ditolak oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memberi kelonggaran kepada sekolah agama iaitu memberi kebebasan kepada pentadbir untuk mentadbirkan sekolah dengan cara mereka sendiri. Tetapi sekolah agama tetap di bawah kawalan kerajaan hingga ke sekarang ini. Sekolah agama dalam akta 15(2) pula, masih mendapat bantuan guru daripada kerajaan seperti biasa.





## 1.9 Kesimpulan

Bab ini menghuraikan permasalahan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kaedah kajian, pengertian kajian dan latar belakang kedudukan strategi bahasa Melayu di sekolah agama sebagai bahasa pengantar dalam memproses pengajaran dan pembelajaran dan juga bahasa komunikasi masyarakat Islam di Selatan Thailand. Bahasa Melayu kini dipinggirkan oleh masyarakat penuturnya sendiri sebagaimana disebutkan dalam bab pengenalan, yang akhirnya mendorong pengkaji untuk mewujudkan kaedah pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai panduan guru bahasa Melayu khasnya.

Diharapkan kajian ini memberi sumbangan besar kepada dunia pendidikan terutamanya dalam hal proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah pendekatan komunikatif kepada pelajar Sekolah Menengah Rendah (Mutawassitah) sekolah agama di Selatan Thailand. Dalam bahagian ini juga dinyatakan sejarah asal pertubuhan sekolah agama rakyat di Selatan Thailand secara ringkas dan takrifan tentang pengertian konsep, dinyatakan secara umum, menurut *Kamus Dewan* dan pandangan beberapa pengkaji sahaja. Lanjutan perbincangan dan perincian lain yang berkaitan diperlihatkan pada bab seterusnya.

